

Headline **Wanita kurang peka aspek kesihatan**  
Date **22 Dec 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S10**  
Article Size **345 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,898**  
PRValue **5,693**



# Wanita kurang peka aspek kesihatan

**SHAHALAM**—Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud menggesa orang ramai terutamanya wanita untuk melakukan pemeriksaan kesihatan diri supaya dapat menjalani kehidupan yang sihat dan selesa.

Menurutnya, tahap kesedaran wanita terhadap kesihatan mereka masih rendah dan memerlukan perhatian oleh mereka kerana tiga penyakit utama yang menyerang wanita ialah kanser payu dara, kanser pangkal rahim serta jangkitan HIV semakin meningkat.

"Kesedaran mereka terhadap penyakit tersebut masih rendah dan memerlukan kerjasama semua pihak bagi memastikan maklumat mengenai penyakit wanita diperolehi oleh mereka dan peranan pemimpin masyarakat adalah mengadakan kempen kesedaran mengenainya kepada mereka bersama agensi yang terlibat.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Kempen Derma Darah, Kanser Payu Dara

dan Keselamatan Jalan Raya di Taman Sri Muda, dekat sini.

Menurutnya, pemimpin masyarakat perlu mengambil inisiatif mengadakan program kesedaran sebegini di kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai seperti kawasan pangsapuri dan sebagainya.

"Ia akan memudahkan golongan wanita mendapatkan rawatan dan melakukan pemeriksaan dengan mudah dan selamat kerana kebanyakan daripada golongan itu tidak mempunyai kemudahan pengangkutan sendiri.

"Sekiranya, kempen kesihatan seperti ini diadakan di sekitar kawasan perumahan terutamanya pangsapuri saya yakin ramai wanita akan menyertainya dan sekiranya mereka dapat mengenal pasti penyakit mereka lebih awal ia akan dapat dirawat dengan segera,"katanya.

Dr Mariah berkata, orang ramai juga digalakkan untuk menderma darah bagi membantu pihak hospital mencapai sasaran simpanan bekalan darah yang men-

cukupi.

Sementara itu, Pengarah Program merangkap Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT), Haslina Ghazali berkata, program itu diadakan bertujuan untuk mendidik masyarakat sekitar menyedari kepentingan menjaga kesihatan.

"Walaupun bekalan darah sedia ada tetapi ia perlu ditambah dan melalui kempen derma darah ini diharapkan ia dapat menampung keperluan semasa khususnya kes berkaitan kecemasan di Hospital Ampuan Rahimah.

"Secara tidak langsung kempen ini memberi peluang kepada orang ramai untuk menderma darah dan mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kanser payu dara,"katanya.

Haslina berkata, kempen keselamatan diadakan untuk mendidik remaja supaya mematuhi undang-undang jalan raya supaya menjadi pemandu berhemah dan mengelakkan kemalangan di jalan raya.



● Dr Mariah (tiga, kiri) bergambar bersama agensi yang terlibat pada Kempen Derma Darah, Kanser Payu Dara dan Keselamatan Jalan Raya di Taman Sri Muda.